


Morfologi/ Frasa/ Sintaksis/ Peribahasa

ujian 6

1. Dalam bahan di bawah ini, terdapat **kesalahan-kesalahan ejaan**. Kenal pasti **dua** kesalahan tersebut dan **tulis** ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan.

JAGA JARAK YANG SELAMAT

*Semasa Memandu di Belakang
Kenderaan Lain*



JKJR

Elakkan kemalangan

- Jangan memandu terlalu rapat dengan kenderaan di hadapan.
- Jangan memandu melebihi had laju.
- Pastikan anda mempunyai jarak yang mencukupi untuk berhenti dengan selamat jika kenderaan di hadapan anda menekan brek secara tiba-tiba.

#AndaMampuMengubahnya

- (i) _____
- (ii) _____

[2 markah]

2. Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat satu **kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis jawapan** pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(i) Pembuangan sisa-sisa toksik di dalam sungai menyebabkan hidupan air musnah.

(ii) Kerja-kerja penyelenggaraan pendawaian elektrik di mini stadium tersebut sedang giat dijalankan.

[2 markah]

3. Baca arahan dengan telitinya dan jawab semua soalan yang diberikan. Kenal pasti **subjek** dan **predikat** bagi ayat di bawah ini. Kemudian, tulis jawapan pada ruang jawapan yang disediakan.

(i) Jalan menuju ke pusat peranginan yang popular itu bengkok-bengkok.

Subjek: _____

Predikat: _____

(ii) Anak-anak itik itu berkejar-kejaran di halaman rumah Mak Cik Rahmah.

Subjek: _____

Predikat: _____

[4 markah]

4. Lihat bahan di bawah ini dengan telitinya. Berdasarkan bahan tersebut, tulis **dua** kata hikmat yang sesuai.



(i) _____

(ii) _____

[2 markah]